

SIARAN MEDIA - SEGERA
24 Mac 2021

**PENGUMUMAN KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ASET UTAMA AIR SELANGOR
SECARA BERJADUAL BAGI TAHUN 2021**

Kuala Lumpur – Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja penyenggaraan secara berjadual untuk beberapa aset-aset utama Air Selangor akan dilaksanakan pada tahun 2021 bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan dapat diberikan kepada pengguna pada masa hadapan.

Air Selangor telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan aset utama secara berjadual seperti berikut:

- 1. Kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip baharu berdekatan kilang Carlsberg di Persiaran Selangor Seksyen 15, Shah Alam yang bakal menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 48 jam.**

Kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip ini akan dijalankan pada 30 Mac 2021, jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Kerja-kerja ini telah dijadualkan pada 12 Januari 2021 tetapi ditangguhkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerja-kerja pengalihan dan penyambungan paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di 5 kawasan di Wilayah Petaling, 14 kawasan di Wilayah Klang dan 11 kawasan di Wilayah Shah Alam bermula jam 9:00 pagi, 30 Mac 2021. Bekalan air dijangka akan pulih sepenuhnya pada jam 9:00 malam, 1 April 2021. Senarai kawasan yang akan mengalami gangguan bekalan air berjadual adalah seperti **Lampiran A**.

- 2. Kerja-kerja penggantian injap di jajaran paip air mentah dari Empangan Klang Gates dan menyebabkan henti tugas sementara Loji Rawatan Air Bukit Nanas dan Wangsa Maju yang bakal menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 68 jam.**

Kerja-kerja penggantian injap ini akan dilaksanakan pada 6 April 2021, jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Berikutan henti tugas ini, 12 kawasan di Wilayah Gombak dan 46 kawasan di Wilayah Kuala Lumpur akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula jam 9.00 pagi, 6 April 2021. Bekalan air dijangka akan pulih sepenuhnya pada 9 April 2021, jam 5:00 pagi. Senarai kawasan yang akan mengalami gangguan bekalan air berjadual adalah seperti **Lampiran B**.

Tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan-kawasan yang terjejas adalah berbeza bergantung kepada kuantiti bekalan air, jarak lokasi premis pengguna dan tekanan air pada sistem agihan.

Air Selangor ingin menasihatkan para pengguna yang terjejas untuk menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemat sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual ini.

Dalam pada itu, Air Selangor juga dalam perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan aset-aset utama di beberapa loji rawatan air iaitu Loji Rawatan Air Cheras Batu 11 pada 15 Jun 2021, Loji Rawatan Air Sungai Langat pada 6 Julai 2021, dan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 pada 5 Oktober 2021. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kerja-kerja berjadual ini tertakluk kepada kelulusan daripada SPAN. Air Selangor akan memaklumkan senarai kawasan-kawasan yang terlibat dan jadual pemulihan bekalan air dengan lebih terperinci setelah kelulusan SPAN diperolehi.

Air Selangor juga ingin menjelaskan bahawa pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan aset-aset utama yang bakal dilaksanakan ini telah mengambil kira pelbagai faktor sebelum dilaksanakan, antaranya:

- I. Mengelakkan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan dalam tempoh masa 7 hari sebelum dan 7 hari selepas perayaan utama yang telah diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- II. Mengelakkan tarikh semasa berlangsungnya sesuatu acara penting peringkat Antarabangsa, Nasional atau Negeri seperti acara sukan, persidangan atau mesyuarat;
- III. Mengelakkan tarikh semasa peperiksaan utama sekolah kerajaan

Air Selangor ingin menjelaskan bahawa pelaksanaan kerja-kerja berjadual ini dilaksanakan bagi membolehkan aset-aset utama dan sistem pengagihan bekalan air berada pada tahap yang baik. Penambahbaikan infrastruktur paip ini juga adalah sebahagian daripada usaha Air Selangor dalam meningkatkan mutu perkhidmatan terbaik demi keselesaan para pengguna di masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Air Selangor di www.airselangor.com. Pengguna juga boleh merujuk kesemua saluran komunikasi rasmi kami seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter, atau hubungi Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300.

-TAMAT-

LAMPIRAN A

**Senarai Kawasan Yang Terlibat Dengan Kerja-Kerja Pengalihan Dan
Penyambungan Paip Baharu Berdekatan Kilang Carlsberg Di Persiaran
Selangor Seksyen 15, Shah Alam
30 Mac 2021, 9.00 pagi hingga 1 April 2021, 9.00 pagi (48 Jam)**

WILAYAH PETALING		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
1	Pinggiran USJ 3	31/3/2021, 9.00 malam
2	Taman Perindustrian Sime UEP 7 (TP 7)	31/3/2021, 9.00 malam
3	Pinggiran USJ	1/4/2021, 9.00 pagi
4	USJ 3	1/4/2021, 9.00 pagi
5	USJ Height	1/4/2021, 9.00 pagi

WILAYAH KLANG		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
1	Bandar Putera	1/4/2021, 9.00 malam
2	Bandar Putera Height	31/3/2021, 9.00 malam
3	Bukit Naga	1/4/2021, 9.00 pagi
4	Desa Latania (Seksyen 36)	1/4/2021, 9.00 malam
5	Jalan Bukit Rimau	1/4/2021, 9.00 malam
6	Jalan Samarinda	1/4/2021, 9.00 malam
7	Kampung Bukit Lanchong	31/3/2021, 9.00 malam
8	Kampung Kebun Bunga	31/3/2021, 9.00 malam
9	Kampung Sungai Kandis	1/4/2021, 9.00 malam
10	Pinggiran Subang USJ 3	31/3/2021, 9.00 malam
11	Taman Kandis Permai	1/4/2021, 9.00 malam
12	Taman Maznah Klang	1/4/2021, 9.00 malam
13	Taman Sentosa	1/4/2021, 9.00 malam
14	Taman Subang Mas	1/4/2021, 9.00 pagi

LAMPIRAN A

**Senarai Kawasan Yang Terlibat Dengan Kerja-Kerja Pengalihan Dan
Penyambungan Paip Baharu Berdekatan Kilang Carlsberg Di Persiaran
Selangor Seksyen 15, Shah Alam
30 Mac 2021, 9.00 pagi hingga 1 April 2021, 9.00 pagi (48 Jam)**

WILAYAH SHAH ALAM		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
1	Seksyen 26	1/4/2021, 9.00 malam
2	Seksyen 27	1/4/2021, 9.00 malam
3	Seksyen 28	1/4/2021, 9.00 malam
4	Seksyen 29	1/4/2021, 9.00 malam
5	Seksyen 30	1/4/2021, 9.00 malam
6	Seksyen 31	1/4/2021, 9.00 malam
7	Seksyen 32	1/4/2021, 9.00 malam
8	Seksyen 33	1/4/2021, 9.00 malam
9	Seksyen 34	1/4/2021, 9.00 malam
10	Taman Batu Tiga	31/3/2021, 9.00 malam
11	Taman Desa Kemuning	1/4/2021, 9.00 malam

LAMPIRAN B

**Senarai Kawasan Yang Terlibat Dengan
Kerja-Kerja Penggantian Injap Di Jajaran Paip Air Mentah Dari Empangan Klang Gates
6 April 2021, 9.00 pagi hingga 9 April 2021, 5.00 pagi (68 Jam)**

WILAYAH GOMBAK		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
1	Bukit Wangsamias	8/4/2021, 5.00 pagi
2	Dataran Wangsa	8/4/2021, 5.00 pagi
3	KLSC Wangsa Maju	8/4/2021, 5.00 pagi
4	Taman Keramat AU4	8/4/2021, 5.00 pagi
5	Taman Wangsa Jaya	8/4/2021, 5.00 pagi
6	Wangsa Maju Seksyen 1	8/4/2021, 5.00 pagi
7	Wangsa Maju Seksyen 2	8/4/2021, 5.00 pagi
8	Wangsa Maju Seksyen 4	8/4/2021, 5.00 pagi
9	Wangsa Maju Seksyen 5	8/4/2021, 5.00 pagi
10	Wangsa Maju Seksyen 6	8/4/2021, 5.00 pagi
11	Wangsa Maju Seksyen 10	8/4/2021, 5.00 pagi
12	Wangsa Melawati	8/4/2021, 5.00 pagi

LAMPIRAN B

**Senarai Kawasan Yang Terlibat Dengan
Kerja-Kerja Penggantian Injap Di Jajaran Paip Air Mentah Dari Empangan Klang Gates
6 April 2021, 9.00 pagi hingga 9 April 2021, 5.00 pagi (68 Jam)**

WILAYAH KUALA LUMPUR		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
1	Apartment Putra Ria	9/4/2021, 5.00 Pagi
2	Brickfields	8/4/2021, 5.00 Pagi
3	Bukit Bandaraya	9/4/2021, 5.00 Pagi
4	Bukit Bangsar	9/4/2021, 5.00 Pagi
5	Bukit Bintang	9/4/2021, 5.00 Pagi
6	Bukit Ceylon	9/4/2021, 5.00 Pagi
7	Bukit Persekutuan	9/4/2021, 5.00 Pagi
8	Bukit Tunku	9/4/2021, 5.00 Pagi
9	Chow Kit	9/4/2021, 5.00 Pagi
10	Damansara Height	9/4/2021, 5.00 Pagi
11	Dang Wangi & Capsquare	8/4/2021, 5.00 Pagi
12	Hampshire Park	9/4/2021, 5.00 Pagi
13	Idamansara	9/4/2021, 5.00 Pagi
14	Imbi	9/4/2021, 5.00 Pagi
15	Jalan Raja Laut	8/4/2021, 5.00 Pagi
16	Jalan Sultan Hishamuddin	9/4/2021, 5.00 Pagi
17	Jalan Travers	9/4/2021, 5.00 Pagi
18	Jln Tuanku Abdul Rahman	9/4/2021, 5.00 Pagi
19	Kampung Attap	8/4/2021, 5.00 Pagi
20	Kampung Baru	9/4/2021, 5.00 Pagi
21	Kampung Datuk Keramat	9/4/2021, 5.00 Pagi
22	Kampung Padang Merbok	9/4/2021, 5.00 Pagi
23	Kementah	9/4/2021, 5.00 Pagi
24	Kuala Lumpur City Center 1	9/4/2021, 5.00 Pagi
25	Kuala Lumpur City Center 2	9/4/2021, 5.00 Pagi
26	Kuala Lumpur City Center 4	8/4/2021, 5.00 Pagi
27	Medan Tuanku	9/4/2021, 5.00 Pagi

LAMPIRAN B

**Senarai Kawasan Yang Terlibat Dengan
Kerja-Kerja Penggantian Injap Di Jajaran Paip Air Mentah Dari Empangan Klang Gates
6 April 2021, 9.00 pagi hingga 9 April 2021, 5.00 pagi (68 Jam)**

WILAYAH KUALA LUMPUR		
NO	KAWASAN	PULIH SEPENUHNYA PADA
28	Parlimen	9/4/2021, 5.00 Pagi
29	Persiaran Sultan Salahuddin	9/4/2021, 5.00 Pagi
30	Persiaran Tuanku Ja'afar	9/4/2021, 5.00 Pagi
31	Pudu	9/4/2021, 5.00 Pagi
32	Pulapol	9/4/2021, 5.00 Pagi
33	Semantan	9/4/2021, 5.00 Pagi
34	Taman Bandaraya	9/4/2021, 5.00 Pagi
35	Taman Bangsar	9/4/2021, 5.00 Pagi
36	Taman Bangsar Baru	9/4/2021, 5.00 Pagi
37	Taman Damansara Endah	9/4/2021, 5.00 Pagi
38	Taman Dato Ahmad Razali	8/4/2021, 5.00 Pagi
39	Taman Duta	9/4/2021, 5.00 Pagi
40	Taman Lucky	9/4/2021, 5.00 Pagi
41	Taman Putra Sulaiman	9/4/2021, 5.00 Pagi
42	Taman SA (Bangsar)	9/4/2021, 5.00 Pagi
43	Taman SA (Damansara)	9/4/2021, 5.00 Pagi
44	Tasik Perdana	9/4/2021, 5.00 Pagi
45	Tijani	9/4/2021, 5.00 Pagi
46	Titivangsa Sentral	9/4/2021, 5.00 Pagi